PANDUAN PENULISAN ABSTRAK (RINGKASAN) INOVASI:

A. FORMAT ABSTRAK

Sila gunakan template yang disediakan dan hantar dalam format .docx seperti dilampiran

TAJUK INOVASI

Upper case, bold, font 11 dan tulisan Arial.

NAMA DAN INSTITUSI

Capitalize Each Word, font 11 dan tulisan Arial

BILANGAN PATAH PERKATAAN

Bilangan patah perkataan adalah 80 – 200. Font 11 dan tulisan Arial.

B. KANDUNGAN ABSTRAK PERLU MEMPUNYAI PERKARA BERIKUT:

1. Latar Belakang
2. Penyataan Masalah
3. Objektif
4. Metodologi
5. Dapatan/Impak
6. Cadangan Penambahbaikan
7. Kesimpulan
8. Kata kunci

CONTOH ABSTRAK

GO-EXHIBIT

Rafizah Binti Shaharuddin, Seri Wati Binti Said, Rosmawati Binti Dahaman
Kolej Komuniti Bandar Darulaman

Abstrak

Warga POLYCC perlu melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti pameran untuk tujuan promosi, pertandingan dan sebagainya. Kepelbagaian aktiviti pameran ini memerlukan peralatan asas yang bersifat mudah alih dan mesra pengguna dengan saiz yang bersesuaian kerana ia perlu dibawa dan dipasang di lokasi pameran serta menggunakan ruang yang optimum semasa penyimpanan. Go-Exhibit adalah kit reruai pameran yang direkabentuk dengan beberapa ciri-ciri kemudahan iaitu mudah simpan, mudah guna dan mudah alih. Ciri-ciri kemudahan ini menjadikan inovasi Go-Exhibit dapat dikendalikan oleh pengguna tanpa bantuan tambahan dan sesuai digunakan di pelbagai lokasi pameran. Rekabentuk Go-Exhibit menggunakan kerangka besi dengan empat komponen utama iaitu ruang penyimpanan barang, meja pameran, panel paparan dan roda pendaki. Struktur binaannya dapat dilaraskan mengikut saiz ruang pameran serta menggunakan jaringan besi yang lebih ringan. Go-Exhibit boleh ditambahbaik dengan menggunakan lapisan magnetik untuk panel paparan, menggunakan jaringan aluminium bagi mengurangkan berat serta menambah ciri-ciri keselesaan untuk pengguna. Secara keseluruhan, Go-Exhibit menjadikan pelaksanaan pameran dan promosi lebih fleksibel dan boleh dilakukan mana-mana lokasi yang diperlukan.

Kata Kunci: kit pameran mudah alih, reruai pameran, meja mudah alih, simpanan bahan pameran, panel pameran, meja troli